

05 NOV 1999

Mahathir-Hakka

MASYARAKAT CINA BANTU NEGARA TEPIS SPEKULATOR MATA WANG

PETALING JAYA, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekuatan asas ekonomi masyarakat Cina telah membantu negara dalam menghadapi serangan spekulator matawang baru-baru ini.

Katanya masyarakat Cina telah menunjukkan dengan jelas kesediaan mereka untuk berkongsi anugerah kekayaan Malaysia dengan masyarakat Melayu dan kaum lain demi kestabilan negara secara keseluruhannya.

Ketika merasmikan Konvensyen Hakka Sedunia kali ke-15 di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini hari ini, Dr Mahathir melahirkan harapan agar kerjasama dan persefahaman yang erat di kalangan pelbagai bangsa itu akan berterusan.

"Kerjasama antara masyarakat Melayu dan Cina -- atau lebih tepat lagi -- dengan suku kaum Hakka, bermula satu-setengah abad yang lepas," kata beliau kepada lebih 1,200 wakil daripada Persatuan Hakka dari seluruh dunia.

Ketika Perdana Menteri memberi ucapannya itu, sebilangan peserta meluru ke hadapan pentas untuk mengambil gambar beliau.

Dr Mahathir mengimbas kembali bahawa kerjasama itu bermula apabila Mohamad Tahir, yang ketika itu menjadi pemimpin masyarakat Melayu di Kuala Lumpur dan dua orang pemimpin suku kaum Hakka -- Yap Ah Loy dan Yap Ah Shak -- melakukan kerja asas bagi pembinaan Kuala Lumpur moden.

Perdana Menteri berkata sejarah Kuala Lumpur tidak lengkap jika tidak diambil kira sumbangan pemimpin kaum Hakka yang dikenali sebagai "Kapitan Cina" di kalangan tokoh Cina dalam industri timah.

Dr Mahathir berkata beliau sukacita kerana masyarakat Hakka sedunia telah memilih negara ini sebagai tuan rumah konvensyen mereka, yang turut membayangkan reputasi Malaysia sebagai pusat konvensyen antarabangsa dan telah menarik kedatangan pemimpin dari pelbagai bidang.

Sambil menyifatkan kaum Hakka Malaysia sebagai pati masyarakat, beliau berkata ia telah berkembang menjadi tenaga yang padu yang mempamerkan bukan sahaja semangat keusahawanan yang gigih tetapi mempunyai anggota masyarakat yang cemerlang dalam pelbagai profesion termasuk politik.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Presiden Persekutuan Persatuan Hakka Malaysia Tan Sri Jeffrey Cheah, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Cheah, bagi pihak persekutuan itu, menyampaikan cek bernilai RM100,000 kepada Dr Mahathir sebagai derma untuk Badan Amal Dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri Dan Timbalan Menteri (Bakti).

-- BERNAMA

HS RYN NMO